



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : EKONOMI ISLAM
KOD KURSUS : DPI2183
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2017
MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAH KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
BAHAGIAN A (10 Markah)
BAHAGIAN B (30 Markah)
BAHAGIAN C (60 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan
 - iii. Kertas Jawapan Betul Salah

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 5 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab SEMUA dalam Kertas Jawapan. Nyatakan BETUL(B) atau SALAH(S) bagi pernyataan-pernyataan di bawah.

1. Ekonomi ialah suatu ilmu yang mempelajari tentang perlakuan individu dan masyarakat dalam menggunakan faktor-faktor pengeluaran yang terbatas untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan yang mereka perlukan.
2. Di antara tanggungjawab ekonomi pemerintah adalah menyediakan jaminan sosial dan mengagihkan harta dan kekayaan secara sama rata.
3. Menurut ahli ekonomi Islam, Afzal-ur Rahman membahagikan tahap dan barang keperluan kepada tiga iaitu barang keperluan asas, barang keselesaan dan barang mewah.
4. Bentuk atau cara persetujuan di antara dua pihak boleh dalam pelbagai bentuk, antaranya termasuklah lafaz, tulisan, perbuatan, isyarat atau lainnya mengikut keadaan dan perkembangan semasa masyarakat.
5. Mereka yang berkelayakan melakukan kontrak dibahagikan kepada dua iaitu, *Ahliyyah al-Wujub* dan *Ahliyyah al-adaa'*.
6. Perkembangan kajian ekonomi Islam mula terhalang apabila berlakunya perpecahan di kalangan masyarakat dan negara Islam, para pemerintah dan masyarakat awam terlibat dengan kegiatan fitnah memfitnah, kemunafikan serta permusuhan di kalangan ulama.
7. Dalam kontrak *Ijarah*, kos sebenar barang yang dijual hendaklah dinyatakan kepada pembeli.
8. Faktor-faktor pengeluaran menurut ahli-ahli ekonomi Islam ialah buruh, modal dan keusahawanan.
9. Kerajaan berhak campur tangan dalam perkara-perkara berhubungkait dengan hak milik persendirian demi menjaga dan melindungi kepentingan sosial.
10. Asas matlamat syariat (*Maqasid Syariah*) ialah kepentingan *dhururiyyah*, *hajiyat* dan *tahsiniyyat*.

[10 MARKAH]**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **TIGA(3)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Terangkan secara ringkas **lima(5)** rukun dalam kontrak *Murabahah*.

(10 markah)

SOALAN 2

Dalam mengenakan cukai, kerajaan Islam perlu memastikan cukai mestilah berasaskan prinsip-prinsip tertentu. Huraikan **lima(5)** prinsip tersebut.

(10 markah)

SOALAN 3

Jelaskan secara ringkas **lima(5)** ciri kehendak manusia.

(10 markah)

[30 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **LIMA(5)** soalan, jawab **EMPAT(4)** soalan sahaja.

Jawab dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Berikan definisi pertukaran.
(2 markah)
- b. Jelaskan dengan ringkas **tiga(3)** rukun dalam pembentukan kontrak.
(9 markah)
- c. Bincangkan **dua(2)** jenis khiyar yang berikut :
 - i. *Khiyar Syarat*
 - ii. *Khiyar Aib*
(4 markah)

SOALAN 2

- a. Berikan definisi pengeluaran dari perspektif Islam.
(2 markah)
- b. Terangkan objektif pengeluaran dari perspektif konvensional dan Islam.
(2 markah)
- c. Jelaskan klasifikasi keperluan manusia yang berikut menurut perspektif konvensional :
 - i. Keperluan asas
 - ii. Keperluan untuk keselesaan
 - iii. Keperluan barang-barang mewah
(3 markah)
- d. Huraikan **empat(4)** faktor-faktor pengeluaran mengikut perspektif Islam.
(8 markah)

SOALAN 3

Pengagihan dalam Islam adalah satu mekanisme yang berperanan agar harta dan kekayaan tidak hanya beredar di kalangan segelintir masyarakat dalam negara.

Berdasarkan pernyataan di atas,

- a. Huraikan **tiga(3)** instrumen pengagihan dalam Islam.

(6 markah)

- b. Jelaskan **tiga(3)** matlamat pengagihan harta dalam Islam.

(9 markah)

SOALAN 4

- a. Huraikan **tiga(3)** falsafah penggunaan dalam Islam.

(6 markah)

- b. Jelaskan dengan ringkas **tiga(3)** ciri-ciri kehendak manusia.

(9 markah)

SOALAN 5

- a. Berikan definisi *khiyar*.

(2 markah)

- b. Jelaskan **dua(2)** keadaan yang membolehkan sesuatu kontrak itu tamat.

(4 markah)

- c. Bincangkan **tiga(3)** kepentingan *khiyar* dalam muamalah Islam.

(9 markah)

[60 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT